

# Promosi Penganjuran AUPF 2013 Kepada Universiti-Universiti Selatan Thailand

Pada 11 September 2013, delegasi daripada UniMAP dengan diketuai oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), YBhg. Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal telah menghadiri Majlis

Makan Malam bersama Presiden-presiden serta wakil-wakil daripada universiti di Selatan Thailand bertujuan bagi mempromosikan forum AUPF yang akan diadakan buat julung kalinya di Malaysia. AUPF merupakan hasil kerjasama di antara universiti-universiti di Asia yang berkembang daripada Persatuan Presiden Institusi Pengajian Tinggi China dan Thai yang ditubuhkan di Srinakharinwirot University, Thailand, pada tahun 2002. Sejak itu, forum ini telah dianjurkan setiap tahun secara bergilir-gilir di antara institusi yang terlibat dan pada kali ini, UniMAP amat berbangga kerana telah dipilih sebagai tuan rumah untuk AUPF kali ke-12.

Enam buah universiti telah sudi menghadiri majlis ini iaitu Suratthani Rajabhat University, Thaksin University, Prince Of Songkhla University, Walailak University, Hat Yai University dan Rajamangala University Technology Srivijaya.

